

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 MAC 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Tekanan inflasi semakin reda



Pelbagai usaha kerajaan stabilkan harga kian berhasil

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Peningkatan kadar inflasi di Malaysia kini semakin reda dan menunjukkan aliran penurunan meskipun ketika musim perayaan Tahun Baharu Cina, demikian kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, berdasarkan pertumbuhan bulan ke bulan sewaktu sambutan Tahun Baharu Cina 2023, ia telah mencatatkan peningkatan 0.2 peratus, yang mana lebih rendah berbanding 2021 sebanyak 0.3 peratus dan 2022 sebanyak 0.24 peratus.

Justeru, katanya, ia menunjuk-

kan pelbagai usaha kerajaan membuatkan hasil dalam menstabilkan harga meskipun masih berdepan cabaran luaran seperti gangguan rantai bekalan global dan konflik geopolitik.

“Kementerian meneliti kenakan harga barang sewaktu musim Tahun Baharu Cina. Pertumbuhan bulan ke bulan pada 2023 ketika Tahun Baru Cina menunjukkan ke arah penurunan dengan kenaikan paling rendah bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

“Hal ini amat menggalakkan kerana membuktikan bahawa usaha keseluruhan rakyat dan kerajaan dan disambut oleh peniaga mula menampakkan hasil dengan meredakan kadar kenaikan harga walaupun masih bergelumang dengan masalah luar kawalan kita seperti rantai bekalan global,” katanya pada sidang media perenbitan Indeks Harga pengguna (IHP) Januari 2023 di Putrajaya, semalam.

Rafizi berkata, bagi menstabilkan harga makanan di paras lebih

sesuai dengan pendapatan rakyat, kerajaan menggunakan pelbagai serampang untuk memastikan dasar mempengaruhi keseluruhan rantai makanan daripada penghasilan bahan mentah sehingga ke harga dibeli pengguna.

Dua langkah strategik

Beliau berkata, dua inisiatif yang berjalan sekarang ialah Menu Rahmah dan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), yang bertujuan supaya penawaran harga makanan siap di peringkat pekedai yang lebih rendah.

Katanya, kedua-dua inisiatif itu adalah langkah strategik kerajaan untuk menangani komponen inflasi makanan di luar rumah yang tinggi.

Jelasnya, dengan inisiatif IPR dan Menu Rahmah yang membekalkan makanan siap pada harga RM2 dan RM5, ia bukan saja memberi pilihan yang murah kepada pengguna, malah mendorong persaingan yang lebih segar di pasaran.